

13 NOV 1996

MEASAT-Haniff

BINARIANG MAHU MUNCUL SYARIKAT TELEKOMUNIKASI UTAMA DUNIA, KATA HANIFF

Oleh: Azman Ujang

KOUROU, (French Guiana), 13 Nov (Bernama) -- Binariang Sdn Bhd, yang satelit keduanya MEASAT-2 akan dilancarkan di sini pada subuh Khamis ini (waktu Malaysia), mahu menjadi syarikat utama dalam industri telekomunikasi dan penyiaran dengan memiliki satelit ketiga, MEASAT-3 menjelang 1998.

Mengumumkan ini di sini Rabu, pengerusi Binariang, Tun Haniff Omar berkata perbincangan dijangka mula diadakan tidak lama lagi mengenai pembelian satelit itu sebagai pertambahan kepada MEASAT-1 dan MEASAT-2.

MEASAT-1 telah dilancar dari Pusat Angkasalepas Kourou di sini pada bulan Januari dan MEASAT-2, yang dijadualkan dilepaskan ke angkasa pada 6.40 pagi Khamis waktu Malaysia, dirancang bagi kegunaan Malaysia dan rantau Asia Timur, katanya pada satu sidang berita di sini.

Kedua-dua satelit itu melibatkan perbelanjaan RM600 juta oleh Binariang untuk membina, mengendali dan melancarnya.

Haniff berkata walaupun negara lain di rantau itu sudahpun memiliki satelit sendiri atau dalam proses untuk membelinya, Binariang tetap mendapat banyak pelanggan untuk menjadikan program satelit satu perniagaan yang menguntungkan.

MEASAT-1 digunakan sebahagian besarnya oleh syarikat dalam keluarga Binariang, MEASAT Broadcast, untuk mengendalikan perkhidmatan televisyen 30 saluran dan radio, All-Asia Radio and Television Company (ASTRO), yang dilancarkan pada September.

"Kami telah menandatangani perjanjian dan kini dalam proses memeterai dengan banyak lagi pelanggan bagi MEASAT-2. Tetapi kita perlukan MEASAT-3 untuk menjadi peserta global," tambah Haniff.

MEASAT Broadcast telah melabur lebih RM500 juta bagi pembangunan Astro, yang dikatakan kompleks penyiaran berdigital dan penerbitan terbesar di dunia.

Astro menggunakan gelombang tinggi KU untuk menyediakan perkhidmatan penyiaran satelit digital terus kepada pengguna (Direct-to-User (DTU) ke kawasan-kawasan dalam jangkauannya.

Haniff menyifatkan pelancaran MEASAT-2, yang akan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai membanggakan Binariang, kerana ia pendatang baru dalam industri itu.

Katanya MEASAT-3 adalah lebih hebat dengan kawasan jangkauannya lebih luas.

Pengurus Kanan Binariang, Abdul Halim Abdul Hamid memberitahu pemberita bahawa secara teorinya, satu satelit hanya mampu meliputi satu pertiga dunia.

Beliau berkata stesen tv di Malaysia seperti RTM dan TV-3 yang kini bergantung kepada satelit asing untuk menghantar bahan rakaman apabila kakitangan mereka menjalankan tugas di luar negeri seperti liputan lawatan Perdana Menteri, boleh menggunakan satelit Binariang, bergantung kawasan liputan dibuat.

Sementara itu, Dr Mahathir dan jemputan lain dari Malaysia yang diundang bagi pelepasan satelit itu hari ini dibawa melawat Pusat Angkasalepas Kourou.

Delegasi Malaysia termasuk Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, ketua pembangkang Lim Kit Siang, pengerusi Khazanah Nasional Berhad Tan Sri Sheriff Kassim dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Tan Sri Abul Hassan Sulaiman.

--BERNAMA

AU OBA